

23/05/1997

(Laporan BSKL)

HARGA saham di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) ditutup stabil semalam ketika tekanan jualan minggu lalu terus merosot manakala pelabur asing mula membeli saham mewah.

Bagaimanapun, seorang penganalisis berkata, aliran menaik itu berlaku dalam jangka masa pendek manakala aliran menurun akan berlaku dalam tempoh sederhana hingga jangka masa panjang.

Pada jam 5 petang, Indeks Komposit meningkat 12.41 mata kepada 1,071.03, Indeks Emas berada pada 306.94, meningkat 4.22 mata, manakala Indeks Perindustrian meningkat 41.55 mata kepada 2,052.10.

Papan Kedua untung 20.38 mata untuk ditutup pada 564.98.

Ketika penutupan, terdapat 596 saham meningkat, 57 saham turun, 81 saham tidak berubah dan 141 tidak diniagakan. Perolehan berada pada 323.200 unit yang bernilai RM2.450 bilion.

Perolehan sedia ada Papan Utama meningkat kepada 273.766 juta saham bernilai RM1.871 bilion daripada 245.757 juta bernilai RM1.634 bilion pada Selasa lalu.

Jumlah urus niaga Papan Kedua turun kepada 49.434 juta saham bernilai RM578.622 juta berbanding 54.520 juta saham bernilai RM583.176 juta.

Perjanjian luar pasaran meningkat kepada 59.531 juta saham bernilai RM311.269 juta daripada 58.329 juta saham bernilai RM399.915 juta.

Apabila ditanya sama ada terdapat kesan kepada pasaran berikutan ulasan pertama Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di London mengenai tindakan Bank Negara yang mengehadkan pinjaman kepada sektor hartanah, penganalisis itu berkata:

"Ia tidak diambil kira malahan kebanyakan pelabur menyedari langkah kredit `rapuh' itu sebenarnya tidak seketat yang disangkakan."

MBf Capital adalah kaunter paling aktif dengan 58.206 juta saham diniagakan. Ia menokok 42 sen kepada RM5.30.

Renong, kaunter lain yang turut aktif, menambah 20 sen kepada RM3.40, diikuti oleh North Borneo Timber (NBT) dengan keuntungan sebanyak RM8.50 kepada RM34.00, Sinora jatuh 30 sen kepada RM10.00 manakala Suria Capital untung 19 sen kepada RM2.86.

Kebanyakan kaunter utama aktif. Tenaga naik 20 sen kepada RM11.20, Sime Darby meningkat 40 sen kepada RM8.40 manakala Hicom naik 10 sen kepada RM5.

Bagaimanapun, Maybank, jatuh 25 sen kepada RM25.25 manakala Telekom dan MISC, kedua-duanya kekal tidak berubah masing-masing pada RM17.20 dan RM5.80.

Berdasarkan sektor, sejumlah 12.518 juta saham keluaran pengguna diniagakan, keluaran perusahaan 45.631 juta, pembinaan 24.847 juta, perniagaan/perkhidmatan 29.922 juta, prasarana 199,000, kewangan 82.302 juta, hotel 2.135 juta, hartanah 29.183 juta, perladangan 17.171 juta, perlombongan 616,000, amanah saham 132,000, dana tertutup 334,000 dan stok pinjaman 28.775 juta. - Bernama

(END)